

UTHM terima tier empat dalam D-Setara

BATU PAHAT - Pengiktirafan taraf tier empat (sangat baik) dalam Sistem Penarafan Disiplin Pengajian (D-Setara) yang diperolehi Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) bagi bidang kejuruteraan membuktikan universiti itu bersungguh-sungguh melahirkan tenaga pakar dalam sektor tersebut.

Naib Canselor UTHM, Profesor Datuk Dr Mohd Noh Dalimin berkata, penilaian itu dilakukan Agensi Kelayakan Malaysia (MQA), dan dibahagikan kepada empat bidang pengajian iaitu kejuruteraan, perubatan,

farmasi dan pergigian, hospitaliti dan pelancongan serta sains perubatan.

Katanya, ia diwujudkan antara lain bagi membantu pelajar dan ibu bapa menilai institusi pengajian tinggi (IPT) yang menawarkan pendidikan terbaik dalam bidang tertentu.

"Kami bersyukur dengan pengiktirafan dicapai UTHM ini," katanya kepada *Sinar Harian*.



MOHD NOH